

Bahagian A**[60 markah]***Jawab semua soalan di bahagian ini.*

- 1 a) Maklumat berikut berkaitan dengan isu yang di hadapi oleh isi rumah pada hari ini.

Tadika swasta atau kerajaan ?

Antara pilihan sama ada tadika yang dikendalikan kerajaan mahupun swasta, ibu bapa berkemampuan dikatakan lebih cederung untuk menyediakan pendidikan prasekolah di tadika swasta atas pelbagai alasan khususnya dari segi kualiti pendidikan dan faktor ekonomi sesebuah keluarga.

Namun tidak kurang yang tetap memilih tadika kendalian kerajaan yang nyata jauh lebih murah meskipun sesetengahnya mungkin tidak standing dengan kemudahan disediakan tadika swasta.

Sumber petikan diiubahsuai: Akhbar Harian Metro, Rabu 21 Jun 2015

Sumber : <http://geniuskidscentre.blogspot.com>

Merujuk kepada konsep kekurangan, pilihan dan kos lepas, bagaimanakah keputusan tersebut diambil?

.....
.....
.
.....
.
.....
.
.....
.
.....
.
.....
.
.....
.
.....
.
.....
.
.....
.
.....
.
.....
.

[4 markah]

- b) Bezakan sistem ekonomi yang diamalkan di Negara Malaysia dan Negara Korea Utara.

.....
.
.....
.
.....
.
.....
.
.....
.
.....
.
.....
.
.....
.
.....
.
.....
.
.....
.

[6 markah]

- c) Dengan bantuan gambar rajah yang sesuai, terangkan **2** faktor pengurangan permintaan ke atas makanan dalam tin.

Gambar rajah :

(i)


.....
.....
.....
.....
.....
.....

(ii)

.....
.....
.....
.....
.....
.....

[6 markah]

- d) Rajah 1 menunjukkan perubahan penawaran ke atas keluk keseimbangan pasaran kereta tempatan.



Huraikan kesan terhadap pasaran kereta apabila kemajuan teknologi dalam pembuatan kereta meningkat.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- 2.(a) Rajah di bawah menunjukkan sebuah bank yang terdapat di Malaysia serta produk yang dikeluarkan.



Terangkan jenis deposit yang disediakan oleh bank tersebut?

[4 markah]

2 (b) Maklumat di bawah berkaitan faktor pemilihan pekerjaan oleh Fahmi

 <p>JAWATAN I KEMENTERIAN PERTANIAN PELBAGAI JAWA GAJI + S KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (FAMA)</p>	 <p>JAWATAN MARINA PUTRA JAYA SDN. BHD</p>
<p>Fahmi yang tinggal di Kota Bharu, Kelantan dan berkelulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Beliau telah memohon jawatan dan telah diterima oleh kedua-dua syarikat di atas.</p>	

Pada pendapat anda, kerjaya manakah menjadi pilihan dan mengapa?
(6 Markah)

- 2 (c) Mengapakah produktiviti buruh di sektor pertanian semakin merosot? Jelaskan. (6 Markah)

- 2 (d) Jadual di bawah menunjukkan kos pengeluaran jangka pendek bagi Firma John.

Output (unit)	Jumlah Kos (RM)	Kos Marginal (RM)
0	100	-
1	150	50
2	190	40
3	210	20
4	240	30
5	310	70
6	420	110

Jelaskan hubungan antara jumlah kos dan kos marginal pada tingkat ouput 0-3

unit dan 3-4 unit. (4 Markah)

Ouput 0-3

Ouput 3-4

- 3 (a) Jadual di bawah menunjukkan fungsi pengeluaran jangka pendek

Tahap	Input tetap Tanah (ekar)	Input berubah Buruh (orang)	Jumlah keluaran (unit)/TP	Keluaran purata (unit) // (AP)	Keluaran marginal (unit)/ (MP)
1	1	0	0	0	-
	1	1	6	6	6
	1	2	14	7	8
	1	3	24	8	10
2	1	4	32	8	8
	1	5	37	7.4	5
	1	6	41	6.83	4
	1	7	44	6.28	3
	1	8	46	5.75	2
	1	9	46	5.1	0
3	1	10	45	4.5	-1

Jelaskan tahap pengeluaran yang paling cekap [4 markah]

- (b) Maklumat di bawah berkaitan dengan peranan kerajaan

9 khabar gembira penjawat awam dan pesara kerajaan

Metro 4/4/2018

Jelaskan peranan kerajaan berdasarkan keratan akhbar di atas [4 markah]

- © Keratan akhbar di bawah berkaitan dengan kesan sekatan terhadap perdagangan antarabangsa


Sektor Automatif negara terus rancak

Model kenderaan dengan kapasiti enjin 1,500cc dan ke bawah bagi kereta serta 125cc dan ke bawah untuk motosikal pasti menjadi tumpuan pembeli kerana membolehkan mereka menikmati subsidi bersasar. Pemberian subsidi tersebut dibentangkan dalam Belanjawan 2019 pada November lalu.

Ketua Pegawai Eksekutif Institut Automotif, Datuk Mohamad Madani Sahari berkata, nilai eksport meningkat hampir dua kali ganda kepada RM11.8 bilion pada 2017 berbanding RM5.2 bilion pada 2011.

Utusan Online 22 Jan. 2019

- (i) Berdasarkan maklumat di atas , lukiskan keluk yang sesuai untuk mengambarkan kesan pelaksanaan sekatan ke atas perdagangan antarabangsa [2 markah]



- (ii) Terangkan kesan positif pelaksanaan sekatan di atas terhadap perdagangan antarabangsa [4 markah]

- (d) Bezakan kos tetap dan kos berubah [6 markah]

Bahagian B
[40 markah]

Jawab mana-mana **dua** soalan daripada bahagian ini.

- 4 Maklumat berikut berkaitan dengan industri kelapa sawit di Malaysia

Hentikan tanaman kelapa sawit baharu lawan kempen antisawit

TEMERLOH 3 Mac - Tindakan kerajaan menghentikan peluasan tanaman kelapa sawit yang baharu bertujuan melawan sentimen antisawit di Eropah pada masa ini yang telah memberi kesan negatif dan menjelaskan eksport minyak sawit negara ke pasaran global khususnya ke negara-negara Eropah.

Menyatakan, Teresia Kok berkata, pihak kementerian itu sedang mengambil langkah-langkah untuk melawan pengaruh kempen antisawit di Eropah yang baru-baru ini menjadi semakin kuat. Katanya, harga minyak sawit jatih dengan agak teruk ada tahun lalu telah menjelaskan pendapatan ramai pekebun kecil.

Mingguan Malaysia hari ini melaporkan, Teresia Kok mencadangkan kepada pekebun supaya beralih kepada tanaman lain seperti buluh dan kelapa selaras dengan cadangan kerajaan menghentikan peluasan penanaman kelapa sawit di kawasan baharu di seluruh negara.

Sumber : <https://www.utusan.com.my>

- (a) Jelaskan objektif makroekonomi yang ingin dicapai oleh kerajaan melalui cadangan di atas. [4 markah]
- (b) Dengan bantuan gambar rajah yang sesuai, jelaskan kesan terhadap pasaran minyak kelapa sawit di Malaysia apabila cadangan kerajaan tersebut dilaksanakan. [7 markah]
- (c) Cadangkan langkah-langkah lain yang boleh dilaksanakan bagi memastikan harga minyak kelapa sawit dapat ditingkatkan. [9 markah]
5. Berikut menunjukkan anggaran perbelanjaan Cik Tina pada bulan April 2019.
- | Pendapatan Boleh Guna | RM 1 800 |
|-----------------------|-----------|
| Makanan | RM
800 |
| Bil Semasa | RM
300 |
| Tambang | RM
300 |
| Hiburan | RM
100 |
| Derma | RM
20 |
| Bayaran PTPTN | RM
180 |
- (a) Cik Tina bercadang untuk membeli sebuah kereta Perodua Axia. Berdasarkan maklumat yang diberi, wajarkah Cik Tina membeli kereta? Berikan alasan anda. [4 markah]
- (b) Encik Amer membeli sebuah kereta dengan bayaran ansuran RM900 sebulan. Jelaskan fitur ekonomi dalam kaedah pembayaran yang digunakan oleh beliau. [7 markah]
- (c) (i) Bezakan akaun simpanan tetap dengan akaun semasa. [4 markah]
- ii) Pernyataan berikut berkaitan dengan sejenis pelaburan peribadi.
 Puan Nora memilih untuk membuat pelaburan dalam logam emas kerana ianya lebih stabil berbanding dengan pelaburan lain.
- Mengapakah keputusan tersebut diambil oleh Puan Nora? [5 markah].
6. Maklumat di bawah berkaitan dengan sejenis pengangguran.

Jabatan Perangkaan Malaysia melaporkan pada suku pertama 2019, negara merekodkan seramai 516,600 penganggur. Pada masa sama, seramai 238,286 penganggur termasuk 174,327 siswazah, mendaftar sebagai pencari kerja aktif dengan JobsMalaysia di bawah Jabatan Tenaga Kerja (JTK) Semenanjung.

Sumber: www.bhplus.com, 9 Julai 2019

- (a) Jelaskan jenis pengangguran di atas. [4 markah]
- (b) Bagaimanakah bank pusat menggunakan alat dasar kewangan dalam mengatas masalah pengangguran? [7 markah]
- (c) Dasar kewangan yang dinyatakan dalam 6 (b) membantu negara mencapai objektif makroekonomi negara.
Bersetuju anda dengan pernyataan di atas?
Kemukakan alasan anda. [9 markah]
- 7 (a) Maklumat berikut berkaitan dengan kadar pertukaran asing antara dua buah negara berbanding Ringgit Malaysia.

Matawang	Kod	Jualan	Belian
RM tempatan kepada 100 unit Matawang Asing		TT/OD	TT/OD
1) JAPANESE YEN	(JPY)	3.9090	3.7410
2) CHINESE RENMINBI	(CNY)	61.8000	58.1000

Sumber :

<https://www.affinbank.com.my/General/Kadar-Caj/Kadar-Pertukaran.aspx>
Tentukan negara terbaik bagi pengimport Malaysia untuk mengimport 100 000 unit barang Y.

Berikan alasan anda.

[4 markah]

- (b) Maklumat di bawah merupakan kesan globalisasi kepada ekonomi Malaysia.

Malaysia kini tumpuan pelabur asing

KUALA LUMPUR: Malaysia kini menjadi tumpuan pelabur asing dan berjaya menarik pelaburan diluluskan bernilai RM201.7 bilion dalam sektor perkilangan, perkhidmatan dan sektor utama pada 2018, meningkat 0.5 peratus berbanding RM200.6 bilion pada 2017.

Dari segi jumlah projek diluluskan, semua pelaburan berkenaan membabitkan 4,887 projek yang akan mewujudkan lebih 129,700 peluang pekerjaan di Malaysia.

Pelaburan langsung domestik (DDI) menyumbang 60.1 peratus atau RM121.1 bilion sementara pelaburan langsung asing (FDI) mewakili 39.9 peratus atau RM80.5 bilion.

Sektor perkilangan mencatat peningkatan pelaburan tertinggi pada tahun lalu berjumlah RM87.4 bilion, naik 37.2 peratus berbanding 2017 dengan China, Indonesia, Belanda, Jepun dan Amerika Syarikat (AS) penyumbang utama kepada pelaburan dalam sektor itu.

- (b) Berdasarkan maklumat diberi, mengapakah Malaysia menjadi tarikan pelabur asing.
[7 markah]
- (c) Tindakan kerajaan meluluskan pelaburan langsung asing (*FDI*) memberi impak positif kepada masyarakat dan negara. Bersetujukah anda dengan pernyataan di atas? Kemukakan alasan anda. [9 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT